

Jangan politik isu tadika

Kerajaan negeri dan pusat perlu henti bertelagah, cari penyelesaian terbaik

NOR AZIHAN MD GHAZALI

ISU PPR LEMBAH SUBANG 1

SUBANG - Pengurusan Tadika Kemas kelolaan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Blok C, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 kesal dengan 'tangan-tangan nakal' yang bertindak memotong wayar elektrik yang disambungkan ke meter tadika berkenaan.

Pengerusinya, Abu Shahib Mohd Suki berkata, perkara itu disedari ketika kontraktor Tenaga Nasional Berhad (TNB) membuat kerja-kerja mengambil gambar dan hal berkaitan kemudahan itu di tingkat satu blok C ini.

"Saya kesal dengan tindakan pihak tertentu yang masih tidak berpuas hati dengan kewujudan tadika ini dan mengambil jalan pintas untuk sabotaj bekalan elektrik.

"Sedangkan tadika ini diwujudkan untuk kepentingan penduduk di sini bagi mendapatkan pendidikan di peringkat awal untuk anak-anak. Kita dah buat laporan di Balai Polis Ara Damansara untuk tindakan lanjut," katanya ketika ditemui, semalam.

Dalam pada itu, Abu Shahib turut meluahkan rasa kecewa dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang sehingga kini

didakwa gagal memberikan kelulusan merancang kepada tadika berkenaan.

"Sudah banyak kali permohonan diajukan kepada majlis, namun jawapan yang diterima tetap mengecewakan sejak tahun lalu. Mereka turut memberikan kita notis pada tahun lepas, sebaik kerja-kerja pembinaan selesai di tadika itu," katanya.

Ketika mengulas dakwaan MBPJ memberi notis lagi kepada mereka pada Julai lalu, beliau menafikan perkara tersebut.

"Saya dah periksa, kita memang tak terima sebarang notis pada bulan lepas (Julai)...tapi tahun lepas (2016) memang ada.

"Tadika ini juga dah diluluskan kementerian pada 1 Jun lalu oleh Kemas Daerah Petaling, jadi tidak timbul isu berkenaan tadika ini beroperasi secara haram," katanya.

Kelmarin, MBPJ mengesahkan tadika yang diasaskan Pejabat Pengurusan KPKT di Blok C, PPR Lembah Subang 1 itu tidak memiliki kebenaran merancang.

Pengarah Komunikasi Korporat MBPJ, Haniza Abdul Hamid berkata, Jabatan Kawalan Bangunan MBPJ juga sudah memberi notis pemberitahuan kepada pengurusan tadika berkenaan pada Julai lalu, sebelum mengambil langkah seterusnya.

Sementara itu, beberapa



Pihak pengurusan kesal apabila MBPJ enggan meluluskan kebenaran merancang kepada Tadika Kemas kelolaan KPKT di Blok C ini.

penduduk di PPR itu meminta pihak kerajaan negeri dan persekutuan menghentikan tindakan mereka mempolitikkan pelbagai isu di PPR berkenaan.

Azizah Ismail, 62, berkata, bila kedua-duanya bertelagah, penduduk yang menjadi mangsa.

"Hentikan perbalahan dan tumpukan aspek kebijakan penduduk. Bagi saya, tadika ini

satu keperluan kepada penduduk" katanya.

Seorang lagi penduduk, Hayati Harun, 39, mengakui, isu tadika di Blok C itu harus diselesaikan.

"Saya harap kewujudan tadika di Blok C juga dapat memberi manfaat yang sama kepada penduduk di sini. Kerajaan pusat dan negeri harus melihat kepentingan itu kepada masa depan penduduk," katanya.

MBPJ tak perlu tunjuk kuasa

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sebenarnya menerima tekanan daripada kerajaan negeri berkaitan isu Tadika Kemas kelolaan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Blok C, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Pembangunan Lembah Subang (JKPLS), Datuk Yusoff HM Haniff berkata, MBPJ juga 'keliru' dengan tugas mereka, selain terpaksa bertindak di sebalik arahan pihak-pihak tertentu.

Ketua Umno Bahagian Kelana Jaya itu berkata, MBPJ perlu berterima kasih kepada kerajaan persekutuan kerana menggunakan peruntukan yang bukan daripada kerajaan negeri, meskipun kerajaan negeri mempunyai kemampuan kewangan.

"Saya minta masyarakat faham bahawa kerajaan persekutuan selalu mengalah dengan kerajaan negeri, namun kita mengalah bukan sebab kalah tetapi mahu melihat penduduk memperoleh perkara yang lebih baik," katanya.

Beliau turut meminta MBPJ menghentikan sikap 'over acting' dengan menunjukkan kuasa yang ada kerana ia hanya merugikan penduduk.

PERADUAN BONUS MERDEKA!

MENANGI KASUT WANITA BERTHARGA RM50! *UNTUK 200 PEMENANG

AMALAN kasih sayang adalah pendekatan utama Viola untuk para pelanggannya. Viola sentiasa menitikberatkan soal kesejahteraan dalam pembuatan dan rekaan kasut-kasut yang dihasilkan.

Viola mempunyai misi untuk menjadi pengeluar kasut No 1 di Malaysia di antara itu, penglibatan pelanggan menjadi seutamaan Viola bagi mengukuhkan jenama itu di pasaran.

SOALAN SIRI 7

Apakah misi Viola?

.....

.....

.....

.....

.....

TERMA DAN SYARAT:

- Hanya wanita berusia 18 tahun ke atas layak menyertai peraduan ini.
- Kumpul keratan soalan Siri 1 - Siri 7 (siaran Isnin-Ahad).
- Lengkapkan borang penyertaan pada Siri-7 dan poskan semua keratan ke Sinar Harian.
- Pemenang dipilih berdasarkan jawapan yang tepat dan melalui cabutan.
- Nama pemenang akan disiarkan dalam Sinar Harian untuk penubuhan hadiah.

- Pemenang perlu kemukakan kad pengenalan untuk pengesahan ketika menebus hadiah.
- Pemenang perlu tebus sendiri hadiah (wakt tidak dilayan).
- Jika pemenang berminat mendapatkan kasut melebihi harga yang ditawarkan, sila buat bayaran tambahan ketika penubuhan di kedai pilihan masing-masing.
- Tempoh penubuhan berlangsung selama 3 minggu selepas nama disiarkan.
- Penubuhan hanya boleh dibuat pada hari Sabtu di 6 premis Viola di Lembah Klang jaitu:

KEDAI KASUT VIOLA
LOT 1-15 & 1-16, 1ST FLOOR,
PLAZA ALAM SENTRAL,
NO 2, JALAN MAJLIS,
SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM,
SELANGOR

KEDAI KASUT VC COLLECTION
LOT G03, GROUND FLOOR,
PLAZA ALAM SENTRAL,
NO 2, JALAN MAJLIS,
SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM,
SELANGOR

KEDAI KASUT VIOLA
NO 1-7 & 1-17,
OLE-OLE SHOPPING CENTRE,
JLN PINANG A 18/A,
SEKSYEN 18, 40200 SHAH ALAM,
SELANGOR

KEDAI KASUT VIOLA
LOT G-09, NO 09,
JALAN MEDAN, OFF PERSIARAN
KEMAJUAN, SEKSYEN 6,
BANGI UTAMA SHOPPING CENTRE,
43650 BANDAR BARU BANGI

KEDAI KASUT VIOLA
LOT F-39,
1ST FLOOR,
KLANG PARADE,
JALAN MERU,
41050 KLANG

KEDAI KASUT VIOLA
SARAH
HUGHES GLOBE,
NO 185, JALAN
TUANKU ABDUL RAHMAN,
50100 KUALA LUMPUR

BORANG PENYERTAAN

Sinar

Nama:

Umur:

Kad Pengenal:

Alamat:

Pekerjaan:

Lengkapkan borang penyertaan dan kepikan bersama keratan peraduan dari SIRI 1 - SIRI 7, Foskan ke alamat:

PERADUAN VIOLA - SINAR HARIAN,
KUMPULAN MEDIA KARANGKRAF, JABATAN IBC,
LOT 26, JALAN RENGAM 15/5, OFF PERSIARAN SELANGOR,
SEKSYEN 15, 40200 SHAH ALAM, SELANGOR